

BIOGRAFI TUN ABDUL RAZAK AKAN DITERBITKAN

Date: 20-11-1996
Author: / SLR AKD

BANGI, 20 Nov (Bernama) -- Semangat juang dan wawasan pembangunan bekas Perdana Menteri kedua Malaysia Allahyarham Tun Abdul Razak akan diterbitkan dalam bentuk biografi oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menjelang tahun 2000.

Kajian untuk menghasilkan biografi itu dimulakan enam bulan lepas oleh sekumpulan pengajar universiti itu yang diketuai Sasterawan Negara Prof Dr Muhammad Salleh.

Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Sham Sani dan Pengerusi Yayasan Tun Razak, Tan Sri Abdullah Mohd Salleh hari ini menandatangani perjanjian persefahaman untuk penerbitan biografi itu dan tiga buah buku lain di sini.

Abdullah berkata projek itu membabitkan penerbitan empat buah buku iaitu biografi Allahyarham, sebuah buku setebal 400 muka surat untuk bacaan pelajar rendah, koleksi gambar Allahyarham dan sebuah lagi buku berjudul "Tun Razak Dalam Kenangan" yang merupakan catatan memori rakan-rakan seperjuangannya.

Selain daripada yayasan itu yang menyumbangkan RM480,000 untuk penerbitannya, 10 buah syarikat, beberapa kerajaan negeri dan orang persendirian bersetuju menyokong projek itu, katanya kepada pemberita selepas majlis itu.

Beliau berkata tujuan biografi itu ditulis adalah untuk mengekalkan nama baik serta memperingati jasa Allahyarham, yang juga merupakan bekas Canselor pertama UKM. -

- BERNAMA
SLR AKD